**Puisi Tradisional**

**(Pantun Empat Kerat (Budi))**

**Maksud**

**Rangkap 1**

Seseorang yang berbudi, namanya pasti akan disebut-sebut.

**Rangkap 2**

Seseorang yang berbudi akan terus menjadi sebutan walaupun telah meninggal dunia.

**Rangkap 3**

Walaupun hanya sedikit budi yang ditaburkan akan tetap dikenang.

**Rangkap 4**

Perasaan kasih sayang yang wujud dalam diri seseorang akan menyebabkan hubungan mereka berterusan ke akhir hayat.

**Tema**

Kelebihan mempunyai budi pekerti yang baik

**Persoalan**

1. Persoalan budi yang sentiasa dikenang walaupun telah meninggal dunia.
2. Persoalan ketinggian nilai budi.
3. Persoalan kasih sayang yang wujud sesama insan hasil daripada budi yang ditaburkan.

**Bentuk**

1. Terdiri daripada empat rangkap.
2. Setiap rangkap terdiri daripada empat baris
3. Jumlah perkataan dalam setiap baris antara tiga hingga lima.
   - Anak itik terenang-renang (tiga perkataan)
   - Jika tak kenang kepada saya (lima perkataan)
4. Terdiri daripada 9 hingga 11 suku kata.
   - Terang bulan terang di paya (9 suku kata)
   - Orang yang mati meninggalkan nama (11 suku kata)
5. Rima akhir pantun ini ialah *abab*
6. Bentuk pantun ini terikat dengan puisi tradisional.

**Gaya Bahasa**

1. **Asonansi** - Terang bulan terang di paya - pengulangan vokal a
2. **Aliterasi –** Orang yang mati meninggalkan nama. –pengulangan konsonan g
3. **Kata ganda -** Anak ikan **terenang-renang**
4. **Sinkope** – Jika **tak** kenang kepada saya
5. **Repitasi** - **Terang** bulan **terang** di paya

**Nilai**

1. **Nilai menghargai budi.**

   Budi yang ditabur oleh seseorang akan dikenang walaupun orang itu telah tiada.

2. **Nilai keihlasan.**

   Keikhlasan menghulurkan budi kepada insan lain.

**Pengajaran**

1. Kita haruslah berbudi kepada orang lain agar disanjung oleh masyarakat.
2. Kita mestilah ikhlas menabur budi agar kehidupan lebih sejahtera.

3. Kita hendaklah menghargai budi yang dicurahkan oleh orang lain agar hubungan berkekalan.

**Latihan**

1. Berikan maksud rangkap kedua bagi Pantun Empat Kerat (Budi)

    Anak merak mati tersangkut,
    Mati dipanah Seri Rama,
    Resam di dunia juga disebut,
    Orang yang mati meninggalkan nama.

2. Huraikan tiga ciri  Pantun Empat Kerat.

**Jawapan**

1. Maksud rangkap kedua Pantun Empat Kerat ialah seseorang yang berbudi akan terus menjadi sebutan walaupun telah meninggal dunia.

2. Antara ciri pantun Empat Kerat ialah terdiri daripada empat  rangkap dan setiap rangkap terdiri daripada empat baris. Selain itu, jumlah perkataan dalam setiap baris antara tiga hingga lima patah kata.